

19 FEBRUARI 2023

Lipis: Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang, di sini berjaya memindahkan gajah jantan dianggarkan berusia 44 tahun yang ditangkap di Kampung Simoi Lama, dekat sini, kelmarin.

Haiwan berkenaan yang menghuni Hutan Simpan Ulu Jelai dipercayai antara kumpulan yang menceroboh kebun dan mengancam keselamatan masyarakat Orang Asli di beberapa penempatan penduduk setempat sebelum ini.

Ketua PKGK Kuala Gandah Che Ku Mohd Zamzuri Chik Wan Ab Rahman berkata, operasi menangkap gajah jantan tapak kaki berukuran 16.7 inci itu dilakukan anggota Unit Tangkapan Gajah (UTG) PKGK dengan dibantu kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang.

4 jam pindah gajah di Kampung Simoi Lama

Menurutnya, haiwan seberat kira-kira tiga tan itu ditangkap Selasa lalu, kira-kira jam 12.25 tengah hari selepas pihaknya menerima aduan daripada penduduk setempat yang mendakwa haiwan terbabit masuk ke kawasan kebun mereka.

Katanya, gajah yang mempunyai sepasang gading dan terpisah daripada kumpulannya itu berada dalam keadaan sihat dan sebelum ini menjadikan Hutan Simpan Ulu Jelai sebagai habitat semula jadi.

“Kita terpaksa

menarik gajah liar kira-kira satu kilometer ke tempat menaiki lori dan perjalanan untuk keluar melalui jalan balak sejauh lebih lapan kilometer. Operasi bermula sembilan pagi selesai empat jam kemudian.

“Dua gajah denak Kasturi dan Rambai digunakan untuk memujuk dan menarik gajah liar berkenaan ke atas lori. Seramai 26 kakitangan PKGK Kuala Gandah dan UTG Perhilitan Pahang terbabit dalam operasi berkenaan,” katanya di sini semalam.

Haiwan seberat tiga tan ditangkap selepas menerima aduan daripada penduduk